

11/12/1999

Kabinet baru disifatkan bertenaga

rudin; Kamarudin Baharom

PUTRAJAYA, Jumaat - Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Jemaah Menteri baru kerajaan adalah Kabinet yang responsif, yang dapat meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat.

Beliau percaya anggota Kabinet baru itu akan dapat menjalankan kerja sebagaimana yang diharapkan.

"Di samping itu (mereka) dapat meneruskan usaha pembangunan yang selama ini telahpun dijalankan dan perlu dipertingkatkan lagi," katanya ketika diminta mengulas barisan Kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Abdullah, yang hadir sama pada persidangan akhbar di Jabatan Perdana Menteri (JPM) itu, telah dikekalkan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Barisan Jemaah Menteri yang baru itu antara lain menampilkan sembilan muka baru, termasuk bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Tan Sri Musa Mohamad, yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan menggantikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Najib kembali menyandang jawatan Menteri Pertahanan, jawatan yang disandang sebelum dilantik Menteri Pendidikan.

Perdana Menteri menyebarkan senarai Kabinet baru itu kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada sebelah pagi ini untuk perkenan.

Sementara itu, beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri menyifatkan Kabinet baru Dr Mahathir sebagai campuran muka lama yang berpengalaman dan baru yang bertenaga.

Di GEORGETOWN - Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menyifatkan Kabinet baru sebagai satu pasukan yang memaparkan kombinasi pemimpin lama yang berpengalaman dan pemimpin baru berkepakaran.

"Kombinasi pasukan Kabinet yang baru ini juga mencerminkan kematangan, kepakaran dan pengalaman yang sudah pasti dapat membantu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk memajukan negara ini dan membawa rakyat ke alaf baru secara bebas, sepadu dan maju," kata Koh dalam sidang akhbar selepas menyaksikan pengumuman Dr Mahathir yang disiarkan di televisyen, di sini, petang ini.

Sambil memberikan contoh pelantikan Musa beliau menyatakan langkah itu jelas menunjukkan bahawa tenaga bukan politik juga turut diambil kira.

"Beliau adalah seorang yang berkeupayaan dan amat komited serta tidak syak lagi Musa mempunyai pengalaman yang amat berguna yang boleh dimanfaatkannya dalam menjalankan tugas barunya itu," kata Koh yang pernah bertugas bersama Musa di USM sebelum beliau (Koh) bersara untuk menceburi bidang politik dalam 1982.

Sementara itu, tiga lagi pelantikan yang membabitkan pemimpin negeri ini ialah bekas Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shariff Omar yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertanian; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Chia Kwang Chye sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta Ahli Parlimen Bayan Baru, Wong Kam Hoong sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Di JOHOR BAHRU - Kerajaan Johor menyifatkan pemilihan 11 daripada 20 ahli Parlimennya bagi menyertai pembentukan Kabinet yang diumumkan petang ini, sebagai satu pengiktirafan kepada negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata pemilihan ramai

pemimpin Johor terutama di kalangan golongan muda mampu memberi sumbangan kepada Kabinet baru negara.

"Ini boleh dilihat seperti Datuk Seri Syed Hamid Albar, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang dilantik sebagai menteri penuh.

"Di samping itu, Perdana Menteri juga menaruh kepercayaan terhadap pimpinan muda dari Johor seperti Mohd Khaled Nordin, Dr Abdul Latiff Ahmad dan Dr Robia Datuk Kosai, di samping Hashim Ismail untuk bersama berkhidmat untuk negara," katanya.

Di KANGAR - Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim menyambut baik pelantikan Ahli Parlimen Padang Besar, Datuk Azmi Khalid sebagai menteri penuh.

Azmi, 58, yang sebelum ini Timbalan Menteri Dalam Negeri dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar dalam barisan Kabinet baru oleh Dr Mahathir.

Shahidan yang dilantik semula sebagai Menteri Besar Perlis bagi penggal kedua, kelmarin berkata beliau telah lama berusaha supaya seorang daripada pemimpin negeri ini khususnya daripada anggota Parlimen diberi kedudukan tinggi dalam Kabinet iaitu sebagai menteri penuh.

Katanya, pengumuman pelantikan Azmi oleh Dr Mahathir itu secara langsung telah memenuhi impiannya selama beberapa tahun itu.

Di IPOH - Tan Sri Ramli Ngah Talib bersyukur dan berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana melantiknya sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan.

Bekas Menteri Besar Perak hampir 17 tahun itu berkata, beliau berjanji akan melaksanakan tugas yang diamanahkan sebaik mungkin.

"Saya akan berusaha memberi kepuasan kepada semua pihak dengan cara melaksanakan kerja sebaik mungkin," katanya di sini, hari ini.

Sementara itu, ketika mengulas barisan Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri, beliau berkata, Dr Mahathir memberikan tugas berkenaan hanya kepada calon berkeelayakan dan berjaya membuktikan prestasi kerja yang baik, selain keputusan pilihan raya umum lalu.

Di KOTA KINABALU: Pelantikan enam ahli politik Sabah dalam Kabinet Persekutuan menunjukkan pengiktirafan Dr Mahathir, terhadap kemampuan Barisan Nasional (BN) Sabah memenangi 17 daripada 20 kerusi Parlimen pada pilihan raya 29 November lalu.

(END)